

D667

B B721 AAB  
MAHATHIR - BENTONG R R R

KUALA LUMPUR, 14 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU MUNGKIN MELANTIK CALON BARISAN NASIONAL, DATUK LIM AH LEK, YANG MEMENANGI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN KAWASAN BENTONG SEMALAM, SEBAGAI MENTERI.

DATUK LIM MUNGKIN DILANTIK MEMEGANG JAWATAN MENTERI KESIHATAN, MEMANDANGKAN BELIAU MEMPUNYAI KELAYAKAN DAN PENGALAMAN POLITIK YANG LAMA, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA KETIKA MENGHADIRI MAJLIS RUMAH TERBUKA MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT, SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +WALAUPUN BELIAU SEBELUM INI BERKHIDMAT PADA PERINGKAT NEGERI, SAYA YAKIN BELIAU MAMPU MELAKSANAKAN TUGAS ITU.+

KATANYA, RUNDINGAN SETERUSNYA MENGENAI PERKARA TERSEBUT AKAN DIADAKAN DENGAN PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR LING LIONG SIK . -- LAGI 1606MST 14 05 89

D675

U B728 AAB  
MAHATHIR - BENTONG 2 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA PERSEFAHAMAN MENGENAI PERKARA ITU TELAH DICAPAI DENGAN DATUK SERI DR LING, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +PERKARA ITU LEBIH KURANG SUDAH CONFIRM.+

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU CUKUP GEMBIRA DENGAN KEMENANGAN DATUK LIM DALAM PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN PARLIMEN BENTONG SEMALAM.

KATANYA, IA MERUPAKAN KEMENANGAN YANG CEMERLANG DAN MENDAPAT KELEBIHAN UNDI YANG LEBIH BESAR BERBANDING DENGAN PILIHAN RAYA SEBELUM INI.

BELIAU BERKATA INI MENUNJUKKAN BAHAWA PRESTASI PEMERINTAHAN BN BUKAN SAHAJA BAIK TETAPI LEBIH MENINGKAT.

KEMENANGAN ITU JUGA MERUPAKAN SATU PETANDA YANG BAIK DEMI MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK DI NEGARA INI, TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1627MST 14 05 89

D688

U B732 AAB  
MAHATHIR - BENTONG 3 KUALA LUMPUR

PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN PARLIMEN BENTONG DIADAKAN BERIKUTAN KEMATIAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN ITU, TAN SRI CHAN SIANG SUN, YANG JUGA MENTERI KESIHATAN, PADA 21 MAC LEPAS.

DALAM PILIHAN RAYA SEMALAM, DATUK LIM MENGALAHKAN PENCABARNYA YANG TERDEKAT, LIP TUCK CHEE, CALON DAP, DENGAN KELEBIHAN 8,506 UNDI, LEBIH BESAR DARIPADA MAJORITI 6,722 UNDI YANG DIPEROLEHI OLEH MENDIANG TAN SRI CHAN PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986.

MENGENAI DAKWAAN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) KONONNYA BELIAU SUKAR DITEMUI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SUDI MENEMUI MTUC PADA BILA-BILA MASA YANG SYARAT MEREKA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN UNTUK MENEMUINYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK SUKA MELIHAT PEMIMPIN POLITIK MENJADI PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA KERANA FAHAMAN POLITIKNYA AKAN MEMPENGARUHI KESATUAN BERKENAAN.

KATANYA, TIDAK DAPAT TIDAK FAHAMAN DAN UNSUR POLITIK YANG ADA PADA DIRINYA AKAN MEMPENGARUHI TINDAK-TANDUKNYA YANG AKAN MELIBATKAN PEKERJA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN DAPAT MENERIMA JIKA ADANYA SESUATU ISU SPESIFIK MENGENAI PEKERJA, TETAPI KERAJAAN TIDAK DAPAT MENERIMA JIKA KESATUAN SEKERJA DIGUNAKAN SEBAGAI PARTI POLITIK. -- BERNAMA

1705MST 14 05 89